

CNS3355

U GB 18-08 00173 BA017

BAH

Mahathir - Kebakaran

PERLU ADA TUMPUAN ELAKKAN KEBAKARAN DI LTAB KUALA LUMPUR, KATA PM

JITRA, 18 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menqulanqi bahawa semua pihak harus memberikan tumpuan kepada langkah-langkah mencegah kebakaran di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

"Kita sudah mengalami perkara ini berkali-kali. Sepatutnya mereka belajar daripada situ untuk mengelakkan kejadian itu," katanya.

Beliau berkata, sekiranya kebakaran boleh berpunca daripada litar pintas, pihak-pihak yang berkenaan hendaklah menentukan bahawa pendawaian dan sebagainya tidak menyebabkan litar pintas.

Pemeriksaan yang kerap harus dilakukan bagi menentukan hal itu tidak berlaku, katanya semasa diminta menqulas kebakaran sistem radar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sabtu lepas.

Beliau yang ditemui pemberita selepas merasmikan bangunan Perpustakaan Awam Jitra, di sini, hari ini berkata: "Kalau kita tahu kebakaran yang pertama dahulu kerana litar pintas kita mesti tentukan bahawa tidak berlaku lagi litar pintas tetapi kalau (ia berpunca daripada) sabotaj sekalipun, kita mesti ada cara-cara untuk mengelakkan daripada berlakunya sabotaj." -- Lagi.

♥18/08/18-44MST

CNS3546

U GB 18-08 00159 BA046

BAH

Mahathir - Kebakaran 2 Jitra (Ulangan)

"Kita mesti ada penyelenggaraan positif bukan penyelenggaraan pasif. Kita mesti mengambil tindakan awal-awal. Walaupun kosnya tingqi, saya berpendapat bahawa ia lebih murah daripada membenarkan kebakaran seperti ini berlaku.

"Walaupun kita boleh insuranskan barangan itu itu tetapi masalah penerbangan lewat dan masalah-masalah lain tidak ada insurans," katanya.

Beliau berkata, kerajaan boleh mengambil tindakan terhadap pihak-pihak yang bertanggungjawab tetapi sekiranya "budaya tidak ambil peduli dan tidak ambil berat" masih ada, sekiranya orang lain menjadi ketuapun perkara yang sama masih akan berlaku.

Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak senang dengan kebakaran itu kerana sementara semua pihak mahu peralatan yang canggih dan bangunan yang elok tetapi nampaknya mereka tidak begitu cekap mengurus dan menyelenggarakan kemudahan itu.

"Sepatutnya keselamatan daripada kebakaran perlu diberi perhatian sebelum dan bukan selepas ia berlaku. Kita bukan sahaja hendak menyelamatkan nyawa tetapi kita hendak mengelakkan sama sekali daripada berlaku kebakaran," katanya. -- Lagi.

♥18/08/21-21MST

CNS3418

U GB 18-08 00212 BA021

BAH

Mahathir - Kebakaran 3 Jitra

Perdana Menteri berkata, banyak cara boleh dilakukan bagi mengelakkan kebakaran itu seperti mengadakan pemeriksaan setiap lima atau enam bulan atau setahun sekali dan bukan dengan memeriksa sambil lewa sahaja.

"Kita tahu di negara kita ada banyak kilat, guruh dan sebagainya, kita mesti tahu apa tindakan yang patut kita ambil," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, kerajaan ingin tahu kenapa dalam kebakaran Sabtu lepas penggera kecemasan tidak berbunyi sehingga orang tidak sedar kebakaran itu dan sama ada peralatannya tidak betul ataupun pemasangannya yang tidak kena.

Ketika ditanya kemungkinan ada usaha pihak tertentu mahu menyembunyikan berita kebakaran itu, Perdana Menteri berkata: "Saya berasa sedih kerana saya sepatutnya mendapat maklumat apabila ia terjadi. Semasa kebakaran kali pertama dulu, saya mendapat maklumat dan saya pergi melihat keadaan di lapangan terbang, tetapi kali ini saya cuma baca dalam surat khabar sahaja. Saya tidak tahu hendak sembunyi atau tidak tetapi hakikatnya ialah saya mendapat maklumat begitu lewat sedangkan ia satu perkara yang amat besar."

Ketika ditanya sama ada kerajaan akan menubuhkan jawatankuasa kabinet bagi menyasat kebakaran itu, beliau berkata, kalau berkali-kali pun ditubuhkan jawatankuasa tetapi jika tabiat tidak menjaga kemudahan itu masih ada, sampai bila-bila pun perkara yang sama akan berulang. -- Lagi.

♥18/08/19-13MST

U GB 18-08 00138 BA022

BAH

Mahathir - Kebakaran 4 (Akhir) Jitra

Katanya, kebakaran itu memang telah menjejaskan imej Malaysia dan semua pihak perlu mengambil berat mengenai perkara ini supaya ia tidak berulang.

Ketika ditanya sama ada kebakaran itu akan menyebabkan kerajaan berbelanja lebih, beliau berkata: "Ya, kita akan belanja lebih nanti... tentulah hendak yang terbaru, yang tercanggih dan yang paling mahal tetapi kalau kita tidak pandai jaga, hendak buat apa."

Beliau juga berharap ia tidak mengambil masa yang lama untuk menggantikan peralatan radar yang rosak dan memulihkan keadaan di lapangan terbang itu.

Dr Mahathir berkata, sementara menunggu radar yang baru "kita akan berada dalam keadaan tidak cukup radar".

"Walaupun kita ada peralatan sokongan tetapi dengan menggunakan peralatan sokongan itu ia satu pengakuan bahawa kita tidak cekap," tambahnya. -- Bernama.

KHY KAM.

♥18/08/19-21MST